

25 FEB 1998

Ling-Saham

BIAR SYARIKAT MALAYSIA TERUS BERADA DI TANGAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Langkah membenarkan bukan Bumiputera membeli saham dalam syarikat-syarikat Bumiputera akan membolehkan syarikat-syarikat Malaysia terus berada di tangan rakyatnya, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

Beliau menyifatkan idea itu sebagai "bernas" dan baik bagi negara.

"Saya rasa intipati daripada pendapat itu ialah, biar harta rakyat Malaysia terus berada di tangan rakyatnya," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan tengah hari Tahun Baru Cina bagi anggota-anggota Kabinet di sebuah hotel di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bukan Bumiputera akan dibenarkan membeli saham di syarikat-syarikat Bumiputera untuk tempoh sementara.

Dr Ling berkata, rakyat Malaysia perlu saling membantu apabila ada antara mereka memerlukan bantuan. "Jika tidak, saham-saham itu yang mungkin strategik akan dibeli oleh orang asing."

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, kini harga saham-saham adalah murah khasnya memandangkan keadaan ekonomi sekarang ini.

"Rakyat Malaysia yang mampu membelinya harus berbuat demikian supaya saham-saham itu terus berada dalam negara," kata beliau lagi.

Sementara itu Anggota Jawatankuasa Pusat Gerakan Dr. S. Vijayaratnam berkata, kerajaan perlu mengenal pasti mereka yang benar-benar mahu membantu dan mempunyai keupayaan dan pengetahuan dalam menjalankan perniagaan.

Penekanan terhadap mana-mana kaum tidak penting tetapi yang penting ialah mereka yang mampu mengambil alih dan memulihkan sesebuah syarikat perlu diberi peluang tanpa mengira Bumiputera atau Bukan Bumiputera.

"Jika ada Bumiputera yang mampu, mereka perlu diberi peluang," kata beliau dalam satu kenyataan di sini.

Dr Vijayaratnam juga berkata, langkah kerajaan untuk tidak menyelamatkan syarikat-syarikat yang bermasalah adalah tepat memandangkan ia membazir wang pembayar cukai.

"Langkah seperti itu akan mempertingkatkan keyakinan pelabur tempatan dan asing, dalam program-program memulihkan ekonomi," kata beliau.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang berkata, sudah tiba masa bagi rakyat Malaysia untuk berhenti daripada membezakan diri sebagai "Bumiputera atau Bukan Bumiputera".

Memandangkan krisis ekonomi sekarang ini, Lim berkata NEAC mesti lebih imaginatif dalam membawa bersama semua rakyat Malaysia untuk membantu memulihkan ekonomi dengan kesan negatif paling minima terhadap rakyat.

Setiausaha Agung Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia Pardip Kumar berkata, tindakan itu menunjukkan kerajaan peka kepada kemahuan rakyat dan sedia menimbangkan cadangan-cadangan yang bermanfaat demi kepentingan negara dan rakyat.

"Kita juga berharap yang dasar-dasar masa depan yang dilaksanakan akan mengambil kira semangat ini, dan keistimewaan dan faedah perlu diberikan kepada mereka yang memerlukan tanpa mengira kaum," katanya. -- BERNAMA

MAM PR